

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat Umum

- Penyertaan terbuka secara individu atau berkumpulan bagi setiap kategori.
- Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan tetapi hendaklah disertakan dengan Borang Penyertaan bagi setiap satu pertandingan.
- Peserta perlu menyerahkan (i) Borang Penyertaan yang lengkap diisi (ii) Poster Bersaiz A1 (salinan keras) serta (iii) lain-lain bahan mengikut kategori pertandingan, pada/sebelum tarikh tutup penyertaan **17 Ogos 2016** kepada kakitangan Pejabat Kualiti.

Syarat-syarat Khusus

Pertandingan Rekabentuk MOOC

- Sebarang kursus pengajian di UKM atau untuk orang awam.
- Peserta perlu menyediakan sekurang-kurangnya 8 modul bahan untuk MOOC.
- Bahan yang sama untuk Pertandingan Rekabentuk MOOC UKM anjuran Pusat Pengajaran dan Teknologi Pembelajaran UKM adalah diterima.
- MOOC boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris
- Perlu menyediakan poster untuk Pameran dan Penilaian Juri Awam (20%)
- Peserta perlu menyerahkan salinan lembut video bahan untuk MOOC di dalam cakera padat (CD) untuk sesi Penilaian Panel (80%).

Pertandingan Video Pendek/Slaid Pembelajaran Induktif

- Menghasilkan 3-4 minit video atau slaid pengajaran bagi menerangkan konsep kejuruteraan/matematik/senibina melalui teknik Pembelajaran Induktif.
- Setiap konsep kejuruteraan/matematik/senibina yang diterangkan untuk pengajaran Kursus Tahun 1-4 FKAB dikira sebagai satu penyertaan.
- Video/slaid pengajaran boleh disediakan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris.
- Perlu menyediakan poster untuk Pameran dan Penilaian Juri Awam (20%)
- Peserta perlu menyerahkan salinan lembut video/slaid di dalam cakera padat (CD) untuk sesi Penilaian Panel (80%).

Pertandingan Penambahbaikan Proses Kerja Pejabat/Pengurusan Makmal melalui Inovasi Proses Kerja/Prototaip

- Perlu menyediakan poster untuk Pameran dan Penilaian Panel (100%).
- Bagi peserta yang menghasilkan prototaip, diminta untuk mempamerkan bahan sepanjang Minggu Kualiti.

Pertandingan Amalan 5S Bilik Pensyarah/Makmal/Studio/Pejabat

- Perlu menyediakan poster untuk Pameran dan Penilaian Panel (100%).